

Indonesia tawar pakej pelancongan berasas syariah

B/4 17/11/13 MS 8.

» Strategi untuk tarik pelancong Islam dari Asia Barat

► Jakarta

Kementerian Ekonomi Kreatif dan Pelancongan akan menetapkan potensi pelancongan syariah tahun ini dalam usaha menarik bilangan pelancong Islam, terutama dari Asia Barat.

Pelancongan syariah menawarkan pakej pelancongan dan peranginan yang mengikut undang-undang Islam seperti penyediaan makanan dan minuman yang tidak mengandungi daging babi atau alkohol dan pengasingan lelaki dan wanita di tempat pelancongan.

Sasar pelancong Islam

Pengarah bagi mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) kementerian terbabit, Rizky Handayani berkata kerajaan bersama agensi pelancongan, hotel dan restoran merancang untuk memperkenalkan dan mewujudkan pakej pelancongan mensasarkan pelancong Islam.

“Pelancongan syariah amat cerah kerana perbelanjaan pelancong Islam semakin cepat berkem-

bang berbanding kadar global dan diramalkan mencecah sehingga AS\$192 bilion setiap tahun menjelang 2020,” kata Rizky.

“Sebagai negara majoriti Islam yang kaya dan cantik, kita mampu menarik pasaran ini,” kata Rizky yang memetik satu kajian dijalankan di 47 negara oleh pakar pelancongan halal di Singapura, Crescentrating bersama DinarStandard, sebuah firma yang menjejaki pasaran gaya hidup Islam.

Berdasarkan kajian itu, pelancong Islam secara global mewakili pasaran utama bernilai AS\$126.1 bilion sepanjang 2011.

Permintaan dijangka meningkat sehingga 4.8 peratus setiap tahun sepanjang 2020, berbanding kadar purata global, 3.8 peratus.

Singapura, Malaysia, China, Hong Kong, Jepun, Turki, Australia, New Zealand, Switzerland dan Ar-

“**Sebagai negara majoriti Islam yang kaya dan cantik, kita mampu menarik pasaran ini**”

Rizky Handayani,
Pengarah MICE

gentina adalah antara negara yang sudah menawarkan pelancongan syariah.

“Pelancongan syarikat tidak sukar. Secara asas kita hanya perlu masukkan keperluan pelancongan Islam ketika mereka melancong seperti hotel yang mempunyai tanda kiblat, sejadah, makanan halal, tandas yang mempunyai kemudahan bersuci dan lawatan termasuk solat harian,” kata Rizky.

Bilangan meningkat

Berdasarkan Agensi Statistik Pusat (BPS) bilangan pelancong Islam dari empat negara utama, Mesir, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain dan Arab Saudi ke Indonesia meningkat sebanyak 13.11 peratus antara Januari dan November 2012 berbanding tempoh yang sama pada 2011.

BPS juga mendedahkan peningkatan sebanyak 30.5 peratus membabitkan pelancong Mesir, bilangan tertinggi di kalangan negara Islam walaupun bilangannya secara relatif masih lagi rendah daripada 3,259 dalam 11 bulan pertama 2011 kepada 4,235 dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Walaupun bilangannya adalah kecil, Rizky berkata pelancong Islam tinggal lebih lama iaitu 10 hingga 14 hari di Indonesia, seminggu lebih lama daripada pelancong Asia dan Australia.

Agensi